

PERATURAN PERTANDINGAN TENIS

1. AM

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Tenis Penjara Malaysia

2. PENGANJUR / PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Penjara Malaysia dan dikelolakan oleh _____

3. PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua pegawai/anggota/kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan Penjara Malaysia
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar pemain seramai lapan (8) orang (termasuk pemain simpanan) atau minima enam (6) orang (termasuk 2 pemain veteran – berumur 41 tahun pada 1.1.2005) menggunakan **Borang** yang disediakan.
- 3.3 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Semua perlawanan sebelumnya yang disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan.

4. SISTEM DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- 4.1 Pasukan akan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan, iaitu A dan B. Pertandingan akan dijalankan secara liga dalam kumpulan.
- 4.2 Johan dan Naib Johan dalam kumpulan akan layak ke pertandingan separuh akhir. Pertandingan separuh akhir akan dijalankan secara menyilang, iaitu Johan akan melawan Naib Johan kumpulan yang berlainan.
- 4.3 Mengikut Peraturan Am Kejohanan.
- 4.4 Syarat-syarat dan undang-undang permainan mengikut peraturan dan tatacara Lawn Tennis Association of Malaysia (LTAM).

5. TARIKH, MASA DAN TEMPAT PERLAWANAN

Tarikh pertandingan dijadualkan pada _____. Tempat dan masa perlawanan akan ditentukan kemudian.

6. FORMAT DAN SUSUNAN PERLAWANAN

- 6.1 Format pertandingan adalah seperti berikut:
 - i. Dua (2) acara beregu lelaki terbuka (lelaki I dan II)
 - ii. Satu (1) acara beregu lelaki veteran.
- 6.2 Susunan perlawanan adalah seperti berikut:
 - i. Beregu Terbuka Lelaki I
 - ii. Beregu Lelaki Veteran
 - iii. Beregu Terbuka Lelaki II
- 6.3 Senarai nama-nama pemain mengikut susunan perlawanan hendaklah diserahkan kepada penganjur lima belas (15) minit sebelum perlawanan dimulakan dengan menggunakan borang pendaftaran susunan pemain yang akan diedarkan kemudian.
- 6.4 Pasukan yang akan berlawan hendaklah berada di gelanggang sepuluh (10) minit sebelum perlawanan bermula. Kemenangan percuma akan diberi kepada mana-mana pasukan jika pasukan lawan gagal berada di gelanggang selepas lima (5) minit dari masa sesuatu perlawanan sepatutnya dimulakan.
- 6.5 Seorang pemain hanya dibenarkan bermain dalam satu (1) acara sahaja.

- 6.6 Pemain yang ditimpa kecederaan semasa bermain seperti "cramp" dan sebagainya akan diberi masa lima (5) minit untuk mendapatkan rawatan dan tiada masa akan diberi untuk kecederaan berikutnya. Jika pemain ini tidak dapat meneruskan perlawanan tersebut, maka kemenangan percuma boleh diberikan kepada pihak lawan. Sebarang gantian pemain tidak dibenarkan selepas permainan dimulakan.

7. KIRAAN MATA

- 7.1 "First to reach 9" dan tidak ada 'tie break'.
- 7.2 Di akhir pertandingan dalam kumpulan jika terdapat pasukan yang mempunyai persamaan mata, maka keputusan berikut akan diambil kira :
- perbezaan jumlah 'set' dan 'game' yang menang dengan yang kalah; jika seri, jumlah 'game' menang yang tertinggi.
 - Jika masih seri, perbezaan jumlah mata yang menang dengan yang kalah akan diambil kira.
 - Jika masih seri juga, maka keputusan perlawanan akan ditentukan oleh pihak penganjur.
- 7.3 Pasukan yang menang : 2 mata dan Kalah : 0 mata. Jika terdapat dua pasukan mempunyai jumlah mata yang sama maka pemenangnya ialah pasukan yang lebih perbezaan jumlah mata dari pasukan lawan.

8. PENGADIL

Pengadil terdiri daripada pemain-pemain itu sendiri bagi peringkat awal pertandingan. Di peringkat separuh akhir dan akhir pengadil akan ditentukan oleh pihak penganjur.

9. JENIS BOLA : Dunlop

10. HUJAN

- 10.1 Jika sekiranya hujan dan tidak mengizinkan permainan diteruskan, perlawanan akan disambung pada tarikh, masa dan tempat yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur.
- 10.2 Semasa perlawanan dan hujan lebat, permainan akan dihentikan dan disambung mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditentukan oleh pihak penganjur, pada kiraan mata 0-0. Akan tetapi bilangan 'game' yang menang/kalah akan dikekalkan.

11. LAIN-LAIN PERKARA

- 11.1 Jawatankuasa penganjur berhak menolak mana-mana pihak yang tidak mematuhi syarat-syarat dan peraturan pertandingan ini.
- 11.2 Jawatankuasa penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaan atau kemalangan yang menimpa ke atas pegawai/pemain samada ketika perlawanan mahupun sepanjang pertandingan dijalankan.
- 11.3 **Apa jua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa penganjur adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.**